

Kerajaan siasat kes Volvo' DBKL

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan akan menjalankan siasatan terperinci untuk memastikan sama ada berlaku penyelewengan dalam proses pembelian 22 kereta Volvo bernilai \$2.5 juta oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, jika terbukti berlaku penyelewengan, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang terbabit.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu perlu disiasat secara terperinci bagi mengetahui kedudukan sebenarnya.

"Adalah lebih baik mengetahui dengan lebih jelas latar belakang isu itu dulu sebelum saya membuat sebarang ulasan. Saya rasa terlalu awal untuk memberikan ulasan dan lebih baik saya dapatkan dulu segala fakta mengenai isu berkenaan. Saya tidak mahu mempengaruhi isu ini," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Perdagangan Malaysia (MPM) di Bangunan Bank Negara, di sini hari ini, sebagai mengulas kesediaan Datuk Bandar, Tan Sri Elyas Omar memberi penjelasan kepada Perdana Menteri dan Jawatankuasa Akaun Awam berhubung isu pembelian kereta Volvo oleh DBKL.

Semalam, Elyas berkata jika Pejabat Ketua Audit Negara tidak puas hati dengan pembelian itu, mereka perlu membuat laporan kepada Jawatankuasa Akaun Awam bagi membolehkan beliau dipanggil untuk memberikan penjelasan.

"Lagi pun ini bukan kali pertama kita menghadapi kes sebegini," kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan tetap melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan mengambil apa jua bentuk tindakan, jika mendapati berlaku sebarang penyelewengan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC), Datuk Dr Affiuddin Omar, berkata pihaknya akan memanggil Elyas memberi penjelasan berhubung isu pembelian 22 kereta Volvo oleh DBKL apabila mendapat laporan lengkap daripada Pejabat Ketua Audit Negara.

Katanya, jika laporan yang diterima itu menunjukkan berlaku penyelewengan, PAC akan meminta pihak terbabit memberi penjelasan.